



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN BANCİ PERTANIAN 2024: NEGERİ PAHANG

**Laporan Banci Pertanian 2024: Pertanian Pahang Jana Pendapatan
RM27.12 bilion, Kekal Nadi Penting Ekonomi Negeri**

KUANTAN, 16 April 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan Laporan Banci Pertanian 2024 Negeri Pahang yang memperkenalkan parameter baharu bagi sektor pertanian, merangkumi pendapatan, perbelanjaan serta gaji dan upah bagi tahun rujukan 2023. Selain itu, laporan ini turut menyediakan parameter terkini berkaitan pegangan pertanian, keluasan bertanam dan bertuai, kuantiti pengeluaran dan jualan, nilai jualan serta guna tenaga.

Dapatan ini adalah hasil daripada Banci Pertanian 2024 yang dilaksanakan bermula 7 Julai 2024 hingga 31 Oktober 2024 melalui kerjasama yang meluas dan strategik antara DOSM dengan 1,390 agensi berkaitan pertanian di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Antara kementerian dan agensi utama yang terlibat ialah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD) serta Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah (MAFFI).

Negeri Pahang merekodkan 89,899 pegangan pertanian dengan 87,356 pegangan pertanian individu yang meliputi 97.2 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian. Manakala, pegangan pertanian yang diuruskan oleh pertubuhan adalah sebanyak 2,543 pertubuhan. Profil yang telah dikemaskini ini juga menunjukkan bahawa sejumlah 79,806 pegangan pertanian subsektor tanaman dengan 77,722 adalah pegangan individu. Sebanyak 4,932 individu pula terlibat dalam

subsektor ternakan, 1,329 individu terlibat subsektor akuakultur, 3,354 individu terlibat subsektor perikanan dan 1,072 individu terlibat dengan subsektor perhutanan & pembalakan.

Keluasan kawasan bertanam Negeri Pahang yang dilaporkan adalah seluas 983.1 ribu hektar. Tanaman utama adalah kelapa sawit, meliputi 819.8 ribu hektar, diikuti oleh getah (74.8 ribu hektar) and sayur-sayuran (32.8 ribu hektar). Tiga (3) aktiviti ini menyumbang sebanyak 94.3 peratus daripada jumlah keseluruhan kawasan tanaman, manakala lain-lain tanaman merangkumi 52.8 ribu hektar.

Dapatan Banci Pertanian 2024 juga merekodkan jumlah nilai jualan bagi subsektor tanaman Negeri Pahang adalah RM21.78 bilion manakala subsektor ternakan dengan RM1.21 bilion. Sementara itu, nilai jualan hasil perikanan tangkapan direkodkan adalah RM900.50 juta. Subsektor akuakultur pula telah menjana nilai jualan sebanyak RM292.73 juta dan subsektor pembalakan & perhutanan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM557.17 juta.

Jumlah Pendapatan

Jumlah pendapatan sektor pertanian di Pahang pada tahun 2023 adalah RM27.12 bilion, dengan subsektor tanaman muncul sebagai penyumbang terbesar iaitu RM24.05 bilion (88.7%) daripada jumlah keseluruhan pendapatan, diikuti oleh subsektor ternakan dengan RM1.23 bilion (4.5%), perikanan tangkapan RM0.90 bilion (3.3%), perhutanan & pembalakan RM0.64 bilion (2.4%) dan akuakultur RM0.29 bilion (1.1%). Tiga (3) daerah pentadbiran yang merekodkan jumlah pendapatan tertinggi ialah Rompin RM4.83 bilion, Cameron Highlands RM4.64 bilion dan Kuantan RM2.86 bilion.

Pegangan pertanian yang diusahakan oleh pertubuhan menyumbang RM20.81 bilion, bersamaan 76.7 peratus daripada jumlah pendapatan sektor pertanian Negeri Pahang, manakala pegangan pertanian individu merekodkan RM6.31 bilion atau 23.3 peratus. Corak yang sama diperhatikan merentas lima (5) subsektor iaitu tanaman, ternakan, perhutanan & pembalakan, akuakultur dan perikanan tangkapan. Pegangan pertubuhan menjana pendapatan yang lebih tinggi iaitu masing-masing sebanyak RM18.80 bilion (78.2%) bagi subsektor tanaman, RM1.04 bilion (84.6%) subsektor ternakan, RM627.81 juta (97.7%) subsektor

perhutanan & pembalakan RM180.88 juta (61.7%), subsektor akuakultur dan RM155.94 juta (17.2%) subsektor perikanan tangkapan, berbanding RM5.25 bilion (21.8%), RM0.18 bilion (14.6%), RM14.89 juta (2.3%), RM113.31 juta (38.3%) dan RM748.80 juta (82.8%) daripada pegangan pertanian individu.

Tiga (3) daerah dengan sumbangan pendapatan tertinggi sektor pertanian adalah Rompin dengan RM4.83 bilion, Cameron Highlands (RM4.64 bilion) dan Kuantan (RM2.86 bilion). Bagi subsektor tanaman, Cameron Highlands merekodkan RM4.63 bilion, diikuti oleh Rompin RM4.39 bilion dan Raub RM2.42 bilion. Sementara itu, Kuantan merekodkan pendapatan tertinggi bagi subsektor ternakan iaitu RM515.67 juta, diikuti oleh Raub (RM123.65 juta) dan Bera (RM120.19 juta). Bagi subsektor perikanan tangkapan, Kuantan, Pekan dan Rompin masing-masing merekodkan RM400.14 juta, RM248.14 juta dan RM220.73 juta. Pendapatan subsektor akuakultur adalah tertinggi di Pekan (RM156.49 juta), diikuti oleh Temerloh (RM47.21 juta) dan Lipis (RM19.87 juta). Bagi subsektor perhutanan & pembalakan, Jerantut merekodkan pendapatan sebanyak RM217.51 juta, diikuti oleh Rompin (RM129.50 juta), Lipis (RM87.76 juta) dan Kuantan (RM78.60 juta).

Jumlah Perbelanjaan

Jumlah keseluruhan perbelanjaan sektor pertanian bagi Negeri Pahang pada 2023 berjumlah RM8.96 bilion. Subsektor tanaman merekodkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM7.38 bilion (82.3%) daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pertanian, diikuti oleh subsektor ternakan (RM0.77 bilion; 8.6%), perikanan tangkapan (RM0.41 bilion; 4.6%), perhutanan & pembalakan (RM0.26 bilion; 2.9%) serta akuakultur (RM0.13 bilion; 1.5%). Jumlah perbelanjaan merujuk kepada keseluruhan kos yang ditanggung bagi bahan langsung dalam aktiviti pertanian, termasuk kos pengangkutan, penyelenggaraan dan perbelanjaan operasi lain yang berkaitan.

Daripada jumlah perbelanjaan tersebut, 76.8 peratus (RM6.88 bilion) dibelanjakan oleh pegangan pertanian pertubuhan, manakala pegangan pertanian individu merekodkan RM2.08 bilion (23.2%). Trend yang sama diperhatikan merentas lima (5) subsektor iaitu tanaman, ternakan, perhutanan & pembalakan, akuakultur dan perikanan tangkapan. Pegangan pertubuhan masing-masing mencatatkan perbelanjaan yang lebih tinggi iaitu RM5.74 bilion (77.8%) bagi subsektor tanaman, RM708.85 juta (91.9%) bagi subsektor ternakan, RM262.85 juta (99.5%) bagi

subsektor perhutanan & pembalakan, RM99.93 juta (74.4%) bagi subsektor akuakultur dan RM67.27 juta (16.2%) bagi subsektor perikanan tangkapan, berbanding RM1.64 bilion (22.2%), RM61.75 juta (8.1%), RM1.22 juta (0.5%), RM34.39 juta (25.6%) dan RM347.36 juta (83.8%) daripada pegangan individu.

Tiga (3) daerah dengan sumbangan tertinggi kepada perbelanjaan sektor pertanian ialah Cameron Highlands RM1.60 bilion, Rompin (RM1.52 bilion) dan Kuantan (RM1.16 bilion). Bagi subsektor tanaman, Cameron Highlands merekodkan RM1.60 bilion, diikuti oleh Rompin (RM1.33 bilion) dan Raub (RM0.71 bilion). Sementara itu, Kuantan merekodkan perbelanjaan tertinggi bagi subsektor ternakan iaitu RM405.99 juta, diikuti oleh Raub (RM123.65 juta) dan Bentong (RM58.32 juta). Bagi subsektor perikanan tangkapan; Kuantan, Pekan dan Rompin masing-masing merekodkan perbelanjaan sebanyak RM176.43 juta, RM111.27 juta dan RM109.86 juta. Perbelanjaan subsektor akuakultur adalah tertinggi di Pekan (RM90.20 juta), diikuti oleh Temerloh (RM14.09 juta) dan Maran (RM9.46 juta), manakala Jerantut, Rompin dan Lipis masing-masing menyumbang RM88.91 juta, RM49.80 juta dan RM34.57 juta bagi subsektor perhutanan & pembalakan.

Guna Tenaga dan Gaji & Upah

Guna tenaga dalam sektor pertanian bagi Pahang merekodkan sejumlah 193,216 orang pada tahun 2023. Tiga (3) daerah pentadbiran utama yang menyumbang kepada guna tenaga ialah Rompin (30,976 orang), Kuantan (21,817 orang) dan Pekan (19,910 orang), yang secara keseluruhannya merangkumi 37.6 peratus daripada jumlah guna tenaga. Subsektor tanaman merupakan penyumbang utama guna tenaga iaitu sebanyak 79.4 peratus (153,453 orang) daripada keseluruhan guna tenaga pertanian di Pahang.

Purata gaji dan upah tahunan dalam sektor pertanian adalah sebanyak RM20,987, dengan empat (4) daerah pentadbiran mencatatkan paras melebihi purata negeri iaitu Cameron Highlands (RM25,381), Raub (RM24,505), Jerantut (RM22,261) dan Lipis (RM21,056). Sementara itu, subsektor akuakultur merekodkan purata gaji & upah tahunan sebanyak RM22,557, diikuti oleh perhutanan & pembalakan (RM22,142), ternakan (RM20,816) dan perikanan tangkapan (RM19,987).

Melangkah Ke hadapan

Berdasarkan Banci Pertanian 2024, DOSM turut membangunkan Gerbang Digital Statistik Pertanian (TaniStats 2.0) yang telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, pada 7 Disember 2025. Inisiatif ini merupakan satu langkah strategik dalam transformasi pengurusan data pertanian negara melalui pembangunan sebuah platform pintar bersepadu yang menggabungkan hasil banci, data pentadbiran dan maklumat rantai bekalan ke dalam satu ekosistem digital bersepadu.

Secara keseluruhannya, sektor pertanian terus memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan ekonomi Negeri Pahang. Keupayaan sektor ini dalam menjana pengeluaran, pendapatan serta peluang pekerjaan menunjukkan kepentingannya bukan sahaja kepada ekonomi negeri, malah turut menyumbang kepada pengukuhan sektor pertanian di peringkat nasional. Dapatan daripada Banci Pertanian 2024 menyediakan gambaran yang komprehensif mengenai struktur, prestasi dan potensi sektor pertanian di Negeri Pahang. Maklumat terperinci ini dapat membantu pihak berkepentingan merangka dasar serta strategi pembangunan pertanian yang lebih berkesan, seterusnya memperkukuh daya saing sektor pertanian dan memastikan kelestarian pengeluaran makanan serta komoditi negara pada masa hadapan.

Banci Pertanian akan dilaksanakan sekali pada setiap 10 tahun bagi memastikan data adalah relevan dan menggambarkan struktur sektor pertanian negara.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 November 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 merupakan hab utama maklumat pertanian bersepadu yang menyediakan paparan statistik berinformatif, berstruktur dan mesra pengguna bagi memperkukuh pemahaman awam terhadap corak dan perubahan sektor pertanian, sekaligus menyokong inisiatif transformasi digital ke arah dasar yang lebih inklusif dan berasaskan bukti. Akses TaniStats di <https://tanistats.dosm.gov.my>

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
16 APRIL 2026


JADUAL 1: PENDAPATAN TIGA AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN, NEGERI PAHANG, 2023

DAERAH PENTADBIRAN	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta)	AKTIVITI UTAMA	PENDAPATAN AKTIVITI UTAMA (RM Juta)	AKTIVITI KEDUA	PENDAPATAN AKTIVITI KEDUA (RM Juta)	AKTIVITI KETIGA	PENDAPATAN AKTIVITI KETIGA (RM Juta)
Bentong	451.58	Kelapa Sawit	189.28	Sayur-Sayuran	87.11	Buah-Buahan	63.49
Bera	630.27	Kelapa Sawit	533.65	Ternakan	47.73	Getah	22.50
Cameron Highlands	1,603.35	Sayur-Sayuran	1,296.42	Tanaman Lain	291.54	Buah-Buahan	11.31
Jerantut	471.47	Kelapa Sawit	337.25	Perhutanan & Pembalakan	88.91	Getah	12.84
Kuantan	1,163.12	Kelapa Sawit	490.66	Ternakan	405.99	Perikanan	176.43
Lipis	398.99	Kelapa Sawit	302.65	Perhutanan & Pembalakan	34.57	Getah	32.77
Maran	540.43	Kelapa Sawit	472.98	Ternakan	18.23	Getah	13.50
Pekan	928.00	Kelapa Sawit	617.04	Perikanan	111.27	Akuakultur	90.20
Raub	810.58	Buah-Buahan	529.17	Kelapa Sawit	148.91	Ternakan	78.62
Rompin	1,522.37	Kelapa Sawit	1,149.33	Nanas	115.85	Perikanan	109.86
Temerloh	443.09	Kelapa Sawit	232.21	Getah	68.71	Ternakan	58.28

JADUAL 2: PERBELANJAAN TIGA AKTIVITI UTAMA MENGIKUT DAERAH PENTADBIRAN, NEGERI PAHANG, 2023


DAERAH PENTADBIRAN	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta)	AKTIVITI UTAMA	PENDAPATAN AKTIVITI UTAMA (RM Juta)	AKTIVITI KEDUA	PENDAPATAN AKTIVITI KEDUA (RM Juta)	AKTIVITI KETIGA	PENDAPATAN AKTIVITI KETIGA (RM Juta)
Bentong	1,369.89	Kelapa Sawit	671.79	Sayur-Sayuran	246.92	Buah-Buahan	223.53
Bera	2,125.01	Kelapa Sawit	1,867.09	Ternakan	120.19	Getah	57.93
Cameron Highlands	4,639.24	Sayur-Sayuran	3,754.12	Tanaman Lain	824.16	Buah-Buahan	49.12
Jerantut	1,514.73	Kelapa Sawit	1,175.01	Perhutanan & Pembalakan	217.51	Getah	35.25
Kuantan	2,862.14	Kelapa Sawit	1,709.44	Ternakan	515.67	Perikanan	400.14
Lipis	1,294.27	Kelapa Sawit	1,045.88	Perhutanan & Pembalakan	87.76	Getah	81.85
Maran	1,847.54	Kelapa Sawit	1,689.03	Ternakan	44.74	Getah	31.40
Pekan	2,792.06	Kelapa Sawit	2,159.73	Perikanan	248.14	Akuakultur	156.49
Raub	2,582.86	Buah-Buahan	1,813.97	Kelapa Sawit	522.43	Ternakan	123.65
Rompin	4,828.09	Kelapa Sawit	4,003.84	Nanas	239.99	Perikanan	220.73
Temerloh	1,259.52	Kelapa Sawit	807.70	Getah	136.92	Ternakan	90.64

PAPARAN 1: PARAMETER UTAMA SEKTOR PERTANIAN, PAHANG, 2023




Sumber: Banci Pertanian 2024

PAPARAN 2: PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SEKTOR PERTANIAN, PAHANG, 2023



PAPARAN 3: PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SEKTOR PERTANIAN, PAHANG
MENGIKUT DAERAH, 2023



PAPARAN 4: GUNA TENAGA DAN PURATA GAJI & UPAH TAHUNAN
NEGERI PAHANG MENGIKUT DAERAH, 2023





MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

AGRICULTURE CENSUS 2024 REPORT: PAHANG

Agricultural Census 2024 Report: Pahang's Agriculture Sector Generates RM27.12 billion, Remaining a Key Pillar of the State Economy

KUANTAN, 16 APRIL 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has released the Agriculture Census 2024 Report for Pahang, introducing new parameters for the agriculture sector, including income, expenditure and salaries and wages for the reference year 2023. The report also provides the latest parameters on agricultural holdings, planted and harvested areas, production and sales quantities, sales value and employment.

These findings are derived from the Agriculture Census 2024 conducted from 7th July 2024 to 31st October 2024 through extensive and strategic collaboration between DOSM and 1,390 agriculture-related agencies at the federal, state and district levels. Key ministries and agencies involved include the Ministry of Agriculture and Food Security (KPKM), the Ministry of Plantation and Commodities (KPK), the Ministry of Natural Resources and Environmental Sustainability (NRES), the Sarawak Ministry of Food Industry, Commodity and Regional Development (M-FICORD) and the Sabah Ministry of Agriculture, Fisheries and Food Industry (MAFFI).

Pahang recorded 89,899 agricultural holdings, of which 87,356 were individual agricultural holdings, representing 97.2 per cent of the total. Meanwhile, 2,543 agricultural holdings were managed by establishments. The updated profile also indicates 79,806 crop subsector holdings, of which 77,722 are individual

agricultural holdings. In addition, 4,932 individuals are involved in livestock subsector, 1,329 individuals in aquaculture subsector, 3,354 individuals in fisheries subsector and 1,072 individuals in forestry & logging subsector.

The reported total planted area in Pahang is 983.1 thousand hectares. The main crop is oil palm, covering 819.8 thousand hectares, followed by rubber (74.8 thousand hectares) and vegetables (32.8 thousand hectares). These three (3) activities contribute a total of 94.3 per cent of the total planted area, while other crops account for 52.8 thousand hectares.

The Agriculture Census 2024 also recorded that the total sales value for the crop subsector in Pahang amounted to RM21.78 billion, the livestock subsector recorded RM1.21 billion, followed by the captured fisheries subsector (RM900.50 million). While aquaculture subsector and forestry & logging subsector recorded a sales value at RM292.73 million and RM557.17 million respectively.

Income Performance

The total income of the agriculture sector for Pahang in 2023 amounted to RM27.12 billion, with the crops subsector emerging as the largest contributor at RM24.05 billion (88.7%), followed by the livestock subsector with RM1.23 billion (4.5%), captured fisheries at RM0.90 billion (3.3%), forestry & logging at RM0.64 billion (2.4%) and aquaculture at RM0.29 billion (1.1%). Three (3) administrative districts recorded highest total income were Rompin RM4.83 billion, Cameron Highlands RM4.64 billion and Kuantan RM2.86 billion.

Agricultural holdings operated by establishments contributed RM20.81 billion, equivalent to 76.7 per cent of Pahang's total agriculture sector income, while individual agricultural holdings recorded RM6.31 billion (23.2%). A similar pattern was observed across five (5) subsectors namely crop, livestock, forestry & logging, aquaculture and captured fisheries. Establishment holdings generated higher income of RM18.80 billion (78.2%) in crop subsector, RM1.04 billion (84.6%) in livestock subsector, RM627.81 million (97.7%) in forestry & logging subsector, RM180.88 million (61.7%) aquaculture subsector and RM155.94 million (17.2%) captured fisheries subsector, as compared to RM5.25 billion (21.8%), RM0.18 billion (14.6%), RM14.89 million (2.3%),

RM113.31 million (38.3%) and RM748.80 million (82.8%), respectively, from agricultural individual holdings.

Three (3) districts with the highest contribution to agricultural sector income were Rompin at RM4.83 billion, Cameron Highlands (RM4.64 billion) and Kuantan (RM2.86 billion). By crop subsector, Cameron Highlands recorded RM4.63 billion, followed by Rompin RM4.39 billion and Raub RM2.42 billion. Meanwhile, Kuantan recorded the highest income in livestock subsector at RM515.67 million, followed by Raub (RM123.65 million) and Bera (RM120.19 million). For captured fisheries subsector, Kuantan, Pekan and Rompin recorded RM400.14 million, RM248.14 million and RM220.73 million respectively. Aquaculture subsector income was highest in Pekan (RM156.49 million), followed by Temerloh (RM47.21 million) and Lipis (RM19.87 million). For the forestry & logging subsector, Jerantut recorded income of RM217.51 million, followed by Rompin (RM129.50 million), Lipis (RM87.76 million) and Kuantan (RM78.60 million).

Expenditure

The total expenditure of the agricultural sector for Pahang in 2023 amounted to RM8.96 billion. The crop subsector recorded the highest expenditure, amounting to RM7.38 billion (82.3%), followed by the livestock subsector (RM0.77 billion; 8.6%), captured fisheries (RM0.41 billion; 4.6%), forestry & logging (RM0.26 billion; 2.9%) and aquaculture (RM0.13 billion; 1.5%). Total expenditure refers to the overall costs incurred for direct inputs in agricultural activities, including transportation costs, maintenance and other related operating expenses.

Of the total expenditure, 76.8 per cent (RM6.88 billion) was incurred by agricultural establishment holdings, while individual agricultural holdings recorded RM2.08 billion (23.2%). A similar trend was observed across five (5) subsectors namely crop, livestock, forestry & logging, aquaculture and captured fisheries. Establishment holdings generated higher expenditure of RM5.74 billion (77.8%) in crop subsector, RM708.85 million (91.9%) in livestock subsector, RM262.85 million (99.5%) in forestry & logging subsector, RM99.93 million (74.4%) aquaculture subsector and RM67.27 million (16.2%) captured fisheries subsector, as compared to RM1.64 billion (22.2%), RM61.75 million (8.1%), RM1.22 million (0.5%), RM34.39 million (25.6%) and RM347.36 million (83.8%) respectively, from individual holdings.

Three (3) districts with the highest contribution to agricultural sector expenditure were Cameron Highlands at RM1.60 billion, Rompin (RM1.52 billion) and Kuantan (RM1.16 billion). By crop subsector, Cameron Highlands recorded RM1.60 billion, followed by Rompin (RM1.33 billion) and Raub (RM0.71 billion) respectively. Meanwhile, Kuantan recorded the highest expenditure in livestock subsector at RM405.99 million, followed by Raub (RM123.65 million) and Bentong (RM58.32 million). For captured fisheries subsector; Kuantan, Pekan and Rompin recorded expenditures of RM176.43 million, RM111.27 million and RM109.86 million respectively. Aquaculture subsector income was highest in Pekan (RM90.20 million), followed by Temerloh (RM14.09 million) and Maran (RM9.46 million), while Jerantut, Rompin and Lipis contributed RM88.91 million, RM49.80 million and RM34.57 million for the forestry & logging subsector.

Employment and Salaries & Wages

Employment in the agriculture sector for Pahang recorded a total of 193,216 persons in 2023. The top three administrative districts contributing to employment were Rompin (30,976 persons), Kuantan (21,817 persons) and Pekan (19,910 persons), collectively accounting for 37.6 per cent of the total employment. The crops subsector was the main contributor to employment, representing 79.4 per cent (153,453 persons) of the total agricultural employment in Pahang.

The average annual salaries & wages in the agriculture sector was amounted to RM20,987 with four administrative districts recording levels above the state average, namely Cameron Highlands (RM25,381), Raub (RM24,505), Jerantut (RM22,261) and Lipis (RM21,056). Meanwhile, the aquaculture subsector recorded an average annual wage and salary of RM22,557, followed by forestry & logging (RM22,142), livestock (RM20,816) and captured fisheries (RM19,987).

Moving Forward

Based on the Agriculture Census 2024, DOSM has also developed the Agricultural Statistics Digital Gateway (TaniStats 2.0), which was officiated by the Chief Secretary to the Government, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, on 7th December 2025. This initiative represents a strategic step in transforming the

nation's agricultural data management through the development of an integrated smart platform that consolidates census results, administrative data and supply chain information into a comprehensive digital ecosystem.

Overall, the agriculture sector remains one of the key drivers of national economic growth of Pahang. The sector's ability to generate production, income and employment opportunities demonstrates its importance not only to the state economy, but also contributes to strengthening the agricultural sector at the national level. Findings from the Agriculture Census 2024 provide a comprehensive overview of the structure, performance and potential of the agricultural sector in Pahang. This detailed information can assist stakeholders in formulating more effective agricultural policies and development strategies, thereby enhancing the sector's competitiveness and ensuring the sustainability of food and commodity production in the future.

The Agriculture Census is conducted once every 10 years to ensure that the data remains relevant and reflective of the structure of the national agriculture sector.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st November 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

TaniStats 2.0 is a centralised agricultural information hub that provides informative, structured and user-friendly statistical dashboards to strengthen public understanding of patterns and changes in the agriculture sector, thus supporting digital transformation initiatives towards more inclusive and evidence-based policies. Access TaniStats at <https://tanistats.dosm.gov.my>.

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
16 APRIL 2026

TABLE 1: INCOME OF THE THREE MAIN AGRICULTURAL ACTIVITIES BY ADMINISTRATIVE DISTRICT, PAHANG, 2023

ADMINISTRATIVE DISTRICT	TOTAL INCOME (RM Million)	MAIN ACTIVITY	MAIN ACTIVITY INCOME (RM million)	SECOND ACTIVITY	SECOND ACTIVITY INCOME (RM million)	THIRD ACTIVITY	THIRD ACTIVITY INCOME (RM million)
Bentong	451.58	Oil Palm	189.28	Vegetables	87.11	Fruits	63.49
Bera	630.27	Oil Palm	533.65	Livestocks	47.73	Rubber	22.50
Cameron Highlands	1,603.35	Vegetables	1,296.42	Other Crops	291.54	Fruits	11.31
Jerantut	471.47	Oil Palm	337.25	Forestry & Logging	88.91	Rubber	12.84
Kuantan	1,163.12	Oil Palm	490.66	Livestocks	405.99	Fisheries	176.43
Lipis	398.99	Oil Palm	302.65	Forestry & Logging	34.57	Rubber	32.77
Maran	540.43	Oil Palm	472.98	Livestocks	18.23	Rubber	13.50
Pekan	928.00	Oil Palm	617.04	Fisheries	111.27	Aquaculture	90.20
Raub	810.58	Fruits	529.17	Oil Palm	148.91	Livestocks	78.62
Rompin	1,522.37	Oil Palm	1,149.33	Pineapple	115.85	Fisheries	109.86
Temerloh	443.09	Oil Palm	232.21	Rubber	68.71	Livestocks	58.28

TABLE 2: EXPENDITURE OF THE THREE MAIN ACTIVITIES BY ADMINISTRATIVE DISTRICT, PAHANG, 2023

ADMINISTRATIVE DISTRICT	TOTAL EXPENDITURE (RM million)	MAIN ACTIVITY	MAIN ACTIVITY EXPENDITURE (RM million)	SECOND ACTIVITY	SECOND ACTIVITY EXPENDITURE (RM million)	THIRD ACTIVITY	THIRD ACTIVITY EXPENDITURE (RM million)
Bentong	1,369.89	Oil Palm	671.79	Vegetables	246.92	Fruits	223.53
Bera	2,125.01	Oil Palm	1,867.09	Livestocks	120.19	Rubber	57.93
Cameron Highlands	4,639.24	Vegetables	3,754.12	Other Crops	824.16	Fruits	49.12
Jerantut	1,514.73	Oil Palm	1,175.01	Forestry & Logging	217.51	Rubber	35.25
Kuantan	2,862.14	Oil Palm	1,709.44	Livestocks	515.67	Fisheries	400.14
Lipis	1,294.27	Oil Palm	1,045.88	Forestry & Logging	87.76	Rubber	81.85
Maran	1,847.54	Oil Palm	1,689.03	Livestocks	44.74	Rubber	31.40
Pekan	2,792.06	Oil Palm	2,159.73	Fisheries	248.14	Aquaculture	156.49
Raub	2,582.86	Fruits	1,813.97	Oil Palm	522.43	Livestocks	123.65
Rompin	4,828.09	Oil Palm	4,003.84	Pineapple	239.99	Fisheries	220.73
Temerloh	1,259.52	Oil Palm	807.70	Rubber	136.92	Livestocks	90.64

EXHIBIT 1: KEY PARAMETERS OF THE AGRICULTURE SECTOR, PAHANG, 2023

	 Agriculture Holding	 Planted Area (Ha)	 Harvested Area (Ha)	 Production Quantity (mt)	 Sales Quantity (mt)	 Sales Value (RM million)
 Total	89,899	983,122.0	872,123.1	16,769,921.7	16,708,193.8	24,741.59
 Individual	87,356 (97.2%)	208,281.6 (21.2%)	189,855.9 (21.8%)	2,401,967.9 (14.3%)	2,363,131.9 (14.1%)	5,818.98 (23.5%)
 Establishment	2,543 (2.8%)	774,840.4 (78.8%)	682,267.2 (78.2%)	14,367,953.8 (85.7%)	14,345,061.9 (85.9%)	18,922.61 (76.5%)

Source: Agriculture Census 2024

EXHIBIT 2: INCOME AND EXPENDITURE AGRICULTURE SECTOR, PAHANG, 2023





EXHIBIT 3: INCOME AND EXPENDITURE AGRICULTURE SECTOR, PAHANG BY DISTRICT, 2023




EXHIBIT 4: EMPLOYMENT AND ANNUAL MEAN SALARIES & WAGES, PAHANG BY DISTRICT, 2023

Bentong	Cameron Highlands	Jerantut	Kuantan	Lipis	Pekan	Raub	Temerloh
10,985	19,875	13,705	21,817	10,447	19,910	16,430	12,292
RM20,780	RM25,381	RM22,261	RM19,297	RM21,056	RM20,481	RM24,505	RM20,912
Rompin		Maran	Bera				
30,976		19,319	17,460				
RM17,946		RM20,651	RM20,115				

● Employment (persons)
 ● Mean Salaries & Wages